

MAJLIS MESYUARAT NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
--

**MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21
MAJLIS MESYUARAT NEGARA BAGI TAHUN 2025**

**PERINTAH HARIAN
RABU, 5 MAC 2025**

PH05/01/2025

9:30 PAGI

1

1. MEMBACA DOA

2. PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

- i. **[PL27] Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd Salam** meminta **MENTERI HAL EHWAL UGAMA** menyatakan bagaimana Kementerian dapat mencadangkan pakej tambahan dengan kos lebih rendah, mengambil kira cadangan-cadangan yang telah disuarakan oleh agensi pengoperasian Haji dan Umrah dan ketersediaan jemaah mengorbankan kemewahan-kemewahan yang terbiasa. Ini kerana kos pakej Haji 2025 yang meningkat 7%-8% adalah 49% berpunca daripada penginapan dan makanan. Apakah usaha-usaha Kementerian untuk mengurangkan giliran menunggu bakal jemaah-jemaah haji.
- ii. **[PL2] Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah kementerian dalam memastikan akses rawatan pergigian yang lebih mudah. Apakah ada perancangan bagi menambah kapasiti klinik, dan memperkenalkan sistem janji temu yang lebih berkesan untuk mengatasi waktu menunggu yang lama serta cabaran dalam sistem pengambilan nombor di klinik kerajaan.
- iii. **[PL132] Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof** meminta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jika kementerian mempunyai perancangan dan langkah strategik dalam memberikan rawatan pergigian yang berkualiti, persekitaran kondusif, selesa serta berteknologi tinggi termasuk menyediakan infrastruktur, fasiliti, kemudahan dan juga pakar-pakar

pergigian, memandangkan Pusat Pergigian Negara berusia lebih 24 tahun dan memerlukan penaiktarafan bagi memenuhi keperluan pada masa ini.

- iv. **[PL145] Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman** meminta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan (a) faktor utama yang menyebabkan rakyat memilih untuk mendapatkan rawatan pergigian di negara jiran; dan (b) sejauh mana perbezaan kos rawatan pergigian antara negara ini dan negara jiran mempengaruhi keputusan pesakit.
- v. **[PL5] Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed** meminta **MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan pelan kerajaan dalam membantu perniagaan kecil menyesuaikan perniagaan dengan kenaikan kos agar mereka kekal berdaya saing tanpa membebankan pengguna dengan harga lebih tinggi.
- vi. **[PL97] Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee** meminta **MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan perancangan Kementerian dalam menggalakkan usaha sama antara syarikat di Negara Brunei Darussalam dan antarabangsa bagi memperkukuhkan kehadiran Negara dalam pasaran agrikulturan global. Adakah terdapat rancangan untuk menubuhkan sokongan Kerajaan atau Pejabat Perwakilan Negara di pasaran utama seperti Asia dan Timur Tengah bagi membantu perniagaan Negara memahami tren pengguna dan peraturan.
- vii. **[PL144] Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman** minta **MENTERI SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN** menyatakan tindakan Kementerian dalam mengawal dan memelihara flora dan fauna dan tindakan undang-undang yang telah diambil terhadap kesalahan flora dan fauna.
- viii. **[PL102] Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee** minta **MENTERI SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN** menyatakan jika Kementerian bercadang untuk menyediakan brosur digital atau garis panduan di laman web Brunei Tourism bagi memberikan maklumat jelas mengenai tatacara di masjid, adab dan waktu lawatan? Adakah Kementerian juga akan mempertimbangkan pemasangan papan tanda di masjid bagi membantu pelawat, memandangkan masjid-masjid di Negara merupakan mercu tanda budaya yang penting dan dikenali kerana seni bina Islam yang ikonik.

-
- ix. **[PL140] Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jika pihak Kementerian mengambil tindakan terhadap masalah bekalan air yang berterusan di Asrama Sekolah Vokasional Nakhoda Ragam bagi memastikan kesejahteraan pelajar.
- x. **[PL79] Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman** minta **MENTERI PENDIDIKAN** merujuk berkenaan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) peratus graduan yang mendapat pekerjaan dalam masa 6 bulan setelah tamat, iaitu 76% dari mulai 2023/2024 hingga 2027/2028 terutamanya UNISSA dengan hanya 60%, dan menyatakan (a) adakah Kementerian berpuas hati dengan peratus ini memandangkan lebih kurang 25% graduan yang tidak mendapat pekerjaan setiap tahun; dan (b) apakah perancangan bagi meningkatkan peratus ini dan memastikan mereka dapat diserap oleh pasaran pekerjaan.
- xi. **[PL73] Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan** minta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI PERTAHANAN II** menyatakan apakah usaha ke arah meningkatkan kualiti perkhidmatan Radio Televisyen Brunei (RTB) dan perancangan bagi menaik taraf stesen-stesen cawangan RTB khususnya di Daerah Tutong.
- xii. **[PL115] Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat** minta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan boleh meneliti kemungkinan penambahan satu hari cuti umum bagi memberi ruang kepada rakyat melaksanakan ibadah korban dengan lebih teratur, mengelakkan kesesakan di pusat penyembelihan, serta memastikan pengagihan daging berjalan dengan lebih efisien, memandangkan ibadah korban boleh dilakukan dalam tempoh empat hari.
- xiii. **[PL142] Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman** minta **MENTERI HAL EHWAL UGAMA** menyatakan perancangan Kementerian untuk menyelidiki kerosakan struktur dan asas bangunan yang dihadapi oleh Masjid Kampung Sungai Liang disebabkan gegaran lalu lintas dari jalan raya berdekatan bagi memastikan keselamatan jemaah.
- xiv. **[PL130] Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib**

Dato Seri Setia Haji Md. Yusof minta **MENTERI HAL EHWAL UGAMA** menyatakan jika Kementerian mempunyai langkah atau inisiatif dalam memperkasa dan memantapkan pengurusan serta pentadbiran masjid-masjid di negara ini dengan lebih efektif dan berkesan untuk menjadikan masjid sebagai one-stop centre dan platform kegiatan pengimarahannya dan kemaslahatan masyarakat di persekitarannya dalam usaha mengembang majukan lagi syiar Islam di negara ini.

- xv. **[PL49] Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin** minta **MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN** menyatakan langkah Kementerian untuk menggalakkan sukarelawan belia, NGOs dan institusi korporat yang mana masih boleh dipertingkatkan untuk terlibat dalam program warga emas dan mengelilingi kesejahteraan warga emas. Soalan ini adalah berdasarkan kepada dengan berhasrat untuk mencapai kemajuan dan inklusiviti dalam mana 10.8% (48,800 orang) penduduk Brunei adalah warga emas dan dijangkakan meningkat ke 64,158 orang pada tahun 2030.
- xvi. **[PL137] Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof** minta **MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN** menyatakan setakat mana keberkesanan dan kejayaan program-program yang diangkayahkan melalui skim-skim bantuan di bawah kelolaan Kementerian bagi menangani cabaran isu kemiskinan dalam usaha mengeluarkan golongan kurang berkemampuan daripada lingkaran kemiskinan.
- xvii. **[PL76] Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan** minta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan berkenaan perancangan bagi menaik taraf jalan raya dan sistem peparitan di kawasan Perumahan Perpindahan Negara dari segi aspek keselamatan dan pemeliharaan agar ianya lebih mesra pengguna.

3. KENYATAAN MENTERI

- i. Akan dikemukakan oleh **Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri**.

4. RANG UNDANG-UNDANG DAN USUL KETETAPAN KUMPULANWANG KEMAJUAN

PERBAHASAN PERINGKAT DASAR

Perbahasan berkenaan “Rang Undang-Undang (2025) Perbekalan, 2025/2026”

DAN

“Usul Ketetapan Kumpulanwang Kemajuan yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, PSNB., SPMB., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam”

5. PERTANYAAN BAGI JAWAB BERTULIS

- i. **[PT16] Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin** meminta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berkenaan kes-kes penyakit kritikal yang sering melawat di hospital tetapi lambat mengesan, terlepas pandang atau ada salah diagnosis. Dalam kes terminal, diagnosis lewat membawa cabaran dalam rawatan pemulihan. Berapakah kes-kes seumpama and apakah mekanisme yang digunakan untuk menilai kelemahan dalam proses diagnosis awal bagi mengelakkan kes yang boleh dirawat menjadi lebih serius.
- ii. **[PT19] Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin** meminta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah yang perlu diambil untuk meningkatkan kesiapsiagaan kesihatan termasuk mengenalpasti infrastruktur yang boleh diubah suai (*adaptive*), peruntukan, dan kepakaran untuk pandemik. Kesiapsiagaan hendaklah dimasukkan ke dalam *National Crisis Management Plan* dan mengambil kira pengajaran yang boleh diambil dari COVID-19, yang menunjukkan pentingnya persediaan awal dan sistem kesihatan kukuh, walaupun Brunei menanganinya dengan baik.
- iii. **[PT20] Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin** meminta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil MOH untuk memastikan perkhidmatan klinik swasta berkembang sambil mengekalkan standard perkhidmatan yang tinggi dan seimbang. Ini adalah sejajar dengan pengenalan insurans kesihatan bagi warga asing dan pertumbuhan pesat klinik-klinik swasta di negara ini. Kementerian juga perlu memantau standard perkhidmatan dan memastikan ia menyumbang kepada

ekonomi negara serta memberi peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan.

- iv. **[PT24] Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin** meminta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan keberkesanan rancangan Kementerian untuk penambahbaikan program kesejahteraan mental yang bertujuan untuk mengurangkan bilangan orang yang menghadapi isu ini. Terdapat beberapa program yang telah dilaksanakan oleh Kementerian dalam menangani isu kesihatan mental and program ini merupakan aspek penting dalam kualiti hidup masyarakat.
- v. **[PT34] Yang Berhormat Awang Lau How Teck** meminta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan perancangan Kementerian Kesihatan untuk mempertimbangkan peruntukan sumber-sumber untuk membangunkan dan mengekalkan platform maklumat farmaseutikal berpusat yang akan mengandungi peraturan semasa, senarai ubat-ubatan yang komprehensif, prosedur pelesenan, serta lokasi farmasi-farmasi. Ini adalah bagi memastikan para profesional kesihatan dan orang awam mempunyai akses kepada maklumat yang sahih mengenai pilihan farmaseutikal yang tersedia di dalam negara.
- vi. **[PT35] Yang Berhormat Awang Lau How Teck** meminta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan perancangan Kementerian dalam mempertimbangkan bagi penubuhan atau menyokong secara rasmi Persatuan Ahli Farmasi Kebangsaan. Perkara ini boleh membantu memperkukuhkan kerjasama antara sektor farmaseutikal awam dan swasta untuk memastikan penyelarasan peraturan, membuka peluang pembangunan profesional, serta penyatuan wakil bagi ahli farmasi di seluruh industri.
- vii. **[PT37] Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin** meminta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan perkembangan dan tindakan pada masa ini yang diambil oleh pihak Kementerian dalam menangani isu orang awam yang merokok atau menghisap rokok elektronik(vape) di tempat awam terutama di restoran, café dan gerai terbuka, walaupun papan tanda larangan jelas terpampang.
- viii. **[PT38] Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin** meminta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah atau tindakan yang telah dijalankan atau pemantauan yang dibuat dalam menangani isu tempat letak kereta bagi berkeperluan khas (kerusi roda), ini kerana didapati ada sesetengah individu tidak cakna dalam perkara ini dan meletakkan kereta ditempat khas tersebut.

-
- ix. **[PT1] Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan jumlah FDI sebenar yang berjaya direalisasikan berbanding jumlah pelaburan yang dirancang dalam tempoh lima tahun kebelakangan. Adakah kementerian berpuas hati dengan kadar kejayaan ini atau bercadang untuk menambah baik strategi pengekalan pelabur bagi memastikan pelaburan mampan boleh memberi impak jangka panjang kepada ekonomi negara.
- x. **[PT6] Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan *feasibility* bagi sebahagian caruman SPK untuk dilabur ke dalam GLCs tempatan yang berprestasi baik dan berisiko rendah (misalnya BIBD, DST, BFI, Petrochemical). Difahamkan caruman banyak dilabur di luar negara bagi meraih pulangan berpatutan dan kemungkinan pelaburan GLC tempatan boleh membantu dalam meningkatkan dividen hasil jualan saham dan sebagai pemangkin menarik FDIs baru untuk merangsang ekonomi domestik.